

# 'Kenaikan kadar tol tahun depan sukar dielakkan'

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan akan mengambil kira faktor peningkatan kos sara hidup, harga minyak, barangan keperluan asas serta penyelenggaraan lebuhraya sebelum menentukan jumlah kenaikan kadar tol, tahun depan.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata perkara itu perlu bagi memastikan kenaikan kadar tol, seperti yang diminta oleh lima syarikat konsesi, tidak membebankan rakyat.

Katanya, ketika ini kementerian dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sedang mengkaji semua isu yang berkaitan dengan cadangan kenaikan sebelum kertas kerjanya dihantar kepada Kabinet.

"Kadar tol terpaksa dinaikkan tahun depan bagi mengurangkan beban kerajaan membayar pampasah kerana ia sewajarnya dibelanjakan untuk pelbagai projek lain yang lebih bermanfaat kepada rakyat.

"Tahun lalu, Kabinet memutuskan tidak menaikkan tol dan rakyat gembira tetapi mereka tidak sedar kerajaan terpaksa membelanjakan hampir RM1 bilion sebagai pampasan kepada syarikat konsesi, yang sebenarnya adalah wang mereka juga.

"Setakat ini, lima syarikat konsesi sudah mengemukakan permohonan menaikkan kadar tol tahun depan," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian Persimpangan Bala-kong-Mines Resort, di sini semalam.

Persimpangan hampir enam kilometer berharga RM91.3 juta itu dibina Besraya selaku pemegang konsesi Lebuhraya Sungai Besi yang menanggung se-

mua kos pembinaan tetapi tidak bercadang menaikkan kadar tol laluan terbabit.

Samy Vellu berkata, lima syarikat konsesi yang memohon kenaikan tol tahun depan ialah pengendali Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE), Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Lebuhraya Grand Saga (Grand Saga), Lebuhraya Shah Alam (Kesas) dan Lebuhraya KL-Karak.

Sebelum ini, hanya Plus Expressways Bhd (Plus) dibenarkan menaikkan tol, manakala beberapa daripada baki 16 syarikat konsesi bersetuju menanggung kenaikan, tetapi masing-masing menerima pampasan daripada kerajaan.

Kata Samy Vellu, semua perbezaan antara kadar peningkatan tol mengikut perjanjian dan kadar peningkatan sebenar dibayar sebagai pampasan oleh kerajaan.

Mengikut perjanjian konsesi, pelarasan kadar tol dilakukan setiap tahun, berdasarkan peratusan kenaikan dipersetujui dan kerajaan bertanggungjawab membayar perbezaan peningkatan itu jika tiada kenaikan pada tahun tertentu.